

## **Kemahiran Pemikiran Sejarah: Meneroka Makna Demokrasi di Malaysia**

**Shakila Yacob**

Demokrasi merupakan satu ideologi penting yang menjadi pegangan sebahagian besar negara di dunia. Demokrasi merujuk kepada satu sistem kerajaan di mana rakyat dibenarkan untuk menyertai proses menggubal undang-undang. Merujuk kepada asal usul perkataan demokrasi itu sendiri : asal perkataan Greek “demos” dan “kratos.” Demos merujuk kepada rakyat atau warganegara manakala kratos kepada kuasa. Kuasa rakyat atau people’s power. <sup>1</sup>

Ucapan Abraham Lincoln (Gettysburg Address) yang sering dikutip bagi menggambarkan kuasa rakyat ini:

“government of the people, by the people, for the people..”

Begitu juga dengan ucapan pelantikan John Kennedy, Presiden Amerika Syarikat yang ke-35:

"My fellow Americans, ask not what your country can do for you, ask what you can do for your country."

Dalam perjalanan sejarah kehidupan manusia terdapat pelbagai bentuk demokrasi. Demokrasi langsung merujuk kepada penyertaan warganegara secara langsung dalam proses penggubalan undang-undang. Satu contoh yang baik untuk sistem demokrasi langsung adalah amalan demokrasi di Greek purba. <sup>2</sup> Segala undang-undang atau akta yang diluluskan ditentukan oleh warganegara. Namun, terdapat unsur diskriminasi apabila wanita, hamba abdi dan imigran tidak boleh mengundi. Di Switzerland hari ini wujud demokrasi langsung apabila rakyat mempunyai kuasa veto untuk menolak undang-undang melalui pengundian dan boleh mencadangkan pindaan kepada perlembagaan negara mereka. <sup>3</sup>

Manakala dalam sistem demokrasi berperwakilan, rakyat memilih seorang wakil untuk mewakili mereka dalam hal ehwal politik dan perundangan. Ini merupakan amalan

demokrasi di Malaysia. Di sini letaknya kuasa rakyat iaitu memilih wakil untuk memperjuangkan hak mereka.

Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima ada beberapa kali menyentuh subjek demokrasi dan hak rakyat. Perkataan demokrasi pertama kali disebut dalam Bab 3, halaman 67, berkait pembentukan negara bangsa moden di Eropah iaitu penekanan kepada “**hak rakyat, kerajaan berpelembagaan** dan negara bangsa moden”. Kemudian bab yang sama, halaman 71 mengenai “Kerajaan Islam di Madinah bermula dengan usaha Nabi Muhammad saw menyusun **perlembagaan** terlebih dahulu iaitu Piagam Madinah”.

Bab 3, halaman 74 berkait dengan ciri-ciri kerajaan. “Kerajaan di negara kita merujuk kepada tiga badan pemerintahan, iaitu **Badan Perundangan, Badan Pelaksana** dan **Badan Kehakiman**”. Juga, di Bab 3, halaman 79, kerajaan merupakan badan yang diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain. Terdapat maklumat yang dikaitkan dengan Kesultanan Melayu Melaka.

Manakala dalam Bab 3, halaman 88, merujuk kepada hierarki pemerintahan adat Perpatih; “sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan mempunyai **unsur demokrasi**”. Bab 5, halaman 128, “akhirnya persetujuan yang telah dicapai menerusi pakatan murni ini, membolehkan sebuah **kerajaan demokrasi** dengan konsep **Raja Berpelembagaan** dibentuk.”

Sebelum sampai ke Bab Tujuh yang membincangkan mengenai demokrasi, telah ada bab-bab awal yang menyentuh mengenai demokrasi. Antara kata kunci penting yang berkaitan dengan demokrasi termasuklah:

Hak rakyat, kerajaan perlembagaan, tiga cabang pemerintahan, perundangan, pelaksana, dan kehakiman, dan juga raja berpelembagaan.

## Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan

Malaysia berpegang kepada sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Apakah ciri utama dalam sistem ini di Malaysia? Kesemua ciri ini ada dibincangkan dalam Bab Tujuh, halaman 170-193, Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima.

Ciri utama Demokrasi Berparlimen

- A) Perlembagaan - Raja Berpelembagaan <sup>4</sup>
- B) Parlimen
- C) Pilihanraya
- D) Kuasa Pemerintahan
- E) Parti-parti Politik
- F) Kebebasan Asasi

### Latihan Murid

Melalui ciri utama Demokrasi Berparlimen ini, guru boleh meminta murid menyenaraikan nilai yang ada dalam setiap ciri demokrasi tersebut. Antaranya **nilai kebenaran, nilai keadilan, nilai persamaan, nilai kepelbagaian, nilai patriotisme, hak individu, kedaulatan popular dan kebaikan bersama.**

Kata kunci ini harus dikupas dan diperdebatkan dalam kelas.

### Jawapan

Contohnya kita rujuk subjek Perlembagaan. Perlembagaan merupakan, “undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah negara” (hlm. 162).<sup>5</sup> Perlembagaan Malaysia menjelaskan kepada kita bagaimana kerajaan berfungsi dan apakah kebebasan yang kita nikmati sebagai rakyat Malaysia? Kesemua nilai yang tertera di atas termaktub dalam Perlembagaan Malaysia yang diperkenalkan pada 16 September 1963 yang mengandungi 183 perkara. Walaupun telah 54 tahun berlalu perlembagaan Malaysia masih

relevan dan harus didokong oleh setiap warganegara Malaysia. Untuk kekal relevan, justeru perlembagaan dapat dipinda bagi memenuhi keperluan rakyat yang berubah mengikut masa. Dengan ini, terdapat beberapa pindaan yang telah diluluskan sejak perlembagaan Malaysia diperkenalkan.

Contohnya: **Nilai taat setia, dan patriotisme** boleh diaplikasikan kepada Perkara 24 dan 25 Perlembagaan Malaysia.

Perkara 24: “seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain akan dilucutkan kewarganegaraannya

Perkara 25: seseorang warganegara boleh dilucutkan kerakyatannya jika terbukti tidak setia kepada negara ini.”

Apakah matlamat kedua-dua perkara 24 dan 25 dalam konteks demokrasi di Malaysia?

Kedua-dua perkara ini penting dalam konteks kepelbagaian masyarakat yang wujud di Malaysia. Satu kerakyatan amat penting dalam menjamin kesetiaan rakyat kepada negara. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab kepada negara dan menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara. Dalam usaha mencapai kemerdekaan negara, pelbagai peristiwa sejarah (pendudukan Jepun, Darurat) yang dilalui telah menimbulkan persoalan mengenai kesetiaan rakyat pelbagai kaum. Justeru, dalam usaha mempupuk perpaduan dan menanam nilai patriotisme dan semangat cintakan negara, kedua-dua perkara ini perlu dimaktubkan dalam Perlembagaan.

Persoalan sebegini bukan sahaja memandu murid tetapi pada masa yang sama mengalakkan mereka untuk berfikir, melihat gambar keseluruhan dan menilai serta mengaplikasikan persekitaran seharian dalam kehidupan bermasyarakat di Malaysia.

Guru juga boleh menekankan mengenai hak rakyat dalam sebuah sistem demokrasi. Memandangkan demokrasi itu merujuk kepada **kuasa rakyat**, justeru guru boleh

mengutarakan beberapa contoh merujuk kepada hak dan kuasa rakyat dalam sebuah sistem demokrasi.



Apa itu kuasa rakyat?

Apakah hak tersebut sebagaimana tercatat dalam perlembagaan Malaysia? Guru boleh memilih dua contoh: kebebasan bersuara dan kebebasan beragama. Setelah menyatakan apa yang termaktub dalam perlembagaan, guru juga harus menjelaskan sekatan-sekatan yang wujud demi memelihara sensitiviti pelbagai kaum dan agama yang ada di Malaysia. Malaysia merupakan negara paling unik di dunia dari segi kepelbagaian kaum. Guru boleh meminta murid menyatakan sama ada terdapat negara yang mempunyai kepelbagaian kaum sebagaimana yang wujud di Malaysia. Latihan ini bertujuan melahirkan semangat patriotik dan bangga terhadap negara dan memahami kenapa wujud juga sekatan dalam kebebasan bersuara dan kebebasan beragama. Ini amat perlu bagi murid memahami betapa pentingnya dalam sebuah sistem demokrasi itu wujud “shared respect” – saling menghormati iaitu satu ciri demokrasi yang penting.

Amalan demokrasi berbeza antara negara dan setiap negara mempunyai beberapa perundangan yang sedikit sebanyak menyekat kebebasan individu termasuk kebebasan bersuara dan kebebasan berakhbar. Sekatan ini seringkali dibuat atas dasar keselamatan dan juga mencari perpaduan.

Guru boleh menggunakan artikel (surat kepada editor) sebagai contoh kebebasan menyuarakan pandangan atau pendapat mengenai sesuatu peristiwa atau perkara. Dalam masa yang sama, menunjukkan kepada murid betapa pentingnya menyuarakan pandangan – satu daripada tanggungjawab sivik seorang warga negara yang bertanggungjawab dalam sebuah sistem demokrasi. Salah satu ciri penting demokrasi adalah menyediakan peluang pendidikan atau akses kepada pendidikan yang berkualiti supaya dapat melahirkan

warganegara yang berpengetahuan sekaligus mempunyai keyakinan menyuarakan pandangan. Sikap ini penting dipupuk bagi menjayakan sebuah demokrasi. Lihat surat kepada editor ini yang mempersoalkan ucapan Tan Cheng Lock mengenai sejarah Melaka.



Sumber: "A Malay View Of China And Malacca", *The Straits Times*, 16 Oktober 1948, 9<sup>6</sup>

## **Kebebasan Bersuara**

Perkara 10 (1)(a) memperuntukkan setiap warganegara mempunyai kebebasan bercakap dan bersuara.

### **Sekatan**

Akta Hasutan 1948 – perbuatan menghasut melalui ucapan, penerbitan, perbuatan dan sebagainya.

Akta Rahsia Rasmi 1972 – Rahsia rasmi dan keselamatan negara

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 – merujuk kebebasan berakhbar

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 - merujuk undang-undang siber dan pemantauan kerajaan.

Guru boleh meminta murid membuat pembentangan memerihalkan setiap sekatan ini merujuk kepada kes-kes hangat yang berlaku merujuk kepada setiap akta tersebut. Setelah membuat pembentangan, nyatakan rasional di sebalik akta ini. Pembinaan senario dan hubungkait dengan isu-isu semasa amat penting dalam menimbulkan minat pelajar terhadap sejarah.

## **Kebebasan beragama**

Islam adalah Agama Persekutuan “Perkara 3 (1) – Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.

Kebebasan beragama juga merupakan satu aspek “shared respect” yang amat penting dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum. Tiada tempat di dunia ini yang mempunyai tiga tempat beribadah yang berbeza di jalan yang sama – “Streets of Harmony” di Pulau Pinang. Apabila guru berjaya melahirkan rasa bangga ke atas keunikan masyarakat

dan suasana negara kita yang tidak dapat dibandingkan dengan negara lain, justeru, bukan sahaja boleh menanamkan semangat patriotik tetapi juga menibulkan minat pelajar terhadap sejarah. Pelajar akan menghargai kepentingan mempelajari sejarah. Secara tidak langsung guru dapat memberi inspirasi kepada pelajar. Ini merupakan tugas penting guru bukan semata-mata membentangkan fakta dan kandungan sesuatu subjek.

Satu daripada amalan demokrasi yang penting adalah merujuk kepada konsep pengasingan kuasa yang menekankan tiga cabang penting dalam sistem demokrasi.

### **Amalan Pengasingan Kuasa**

Pengasingan kuasa merupakan satu ciri demokrasi yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Terdapat tiga cabang pemerintahan yang berasingan dan bebas iaitu badan eksekutif, badan perundangan, dan badan kehakiman. Setiap cabang mempunyai kuasa dan tanggungjawab masing-masing, namun kadangkala terdapat pertindihan dalam bidang kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Pengasingan kuasa ini dipercayai menjamin dan melindungi hak dan kebebasan individu, dan menghalang kerajaan daripada “salah guna” kuasa. Justeru, wujud perimbangan atau sistem timbang dan tara yang menjamin pengasingan kuasa. Kuasa harus dikongsi dan bukan dikuasai oleh seorang individu (diktator) atau beberapa individu (oligarki) tetapi oleh kumpulan tertentu.<sup>7</sup>

Soalan yang dibentuk berkaitan subjek ini boleh melalui beberapa tahap pembelajaran.

Apa itu pengasingan kuasa? Murid harus faham konsep pengasingan kuasa.

### **Memahami**

Kenapa perlu memastikan tidak ada seorang atau kumpulan yang memegang terlalu banyak kuasa?



Guru boleh membandingkan sistem feodal – sistem demokrasi atau sistem diktator – sistem demokrasi.

### **Mengkategori/Membandingkan**

Kenapa konsep pengasingan kuasa itu penting dalam sebuah demokrasi?

### **Menilai**

Apakah yang akan berlaku sekiranya kuasa eksekutif yang dipegang oleh Perdana Menteri tidak dapat dicabar?

ATAU

Apakah yang akan berlaku sekiranya kuasa kehakiman dicabar atau ditarik?

### **Mengkritik**

Apakah hak anda sebagai seorang rakyat/warganegara dalam menentukan proses pengasingan kuasa dapat berjalan dengan baik?

### **Mengintepretasi**

Adakah sistem demokrasi itu merupakan sistem politik yang paling sesuai untuk setiap negara di dunia?

### **Mempersoalkan**

Berkaitan tajuk demokrasi, guru juga boleh membentangkan senario (senario building) yang sebaliknya dalam usaha menggalakkan pelajar untuk berfikir.

- a) Senario pertama: Ada negara yang mengamalkan demokrasi tetapi menyalahguna kuasa dan menindas hak rakyat.
- b) Senario kedua: Kebebasan badan kehakiman dicabul.
- c) Senario ketiga: Mengamalkan demokrasi sepenuhnya tetapi secara tidak langsung mengawal kebebasan media melalui kroni yang mengawal badan-badan media tersebut.

Dalam Bab 9, halaman 235, terdapat sebuah jadual yang menunjukkan perbezaan ideologi yang boleh guru kaitkan dengan keadaan semasa di dunia.

<b>Perbandingan Ideologi</b>		
Aspek	Blok Kapitalis	Blok Komunis
Politik	Negara Demokratik Pilihan kerajaan melalui pilihanraya	Pemerintahan oleh diktator Parti Komunis shaja diiktiraf
Ekonomi	Peluang perniagaan Pemilikan sendirian	Perniagaan dimiliki dan diuruskan oleh kerajaan sahaja
Sosial	Kebebasan individu sepenuhnya	Kebebasan individu dilindungi dan dikawal

Jadual tersebut sebenarnya dapat merangsang satu perdebatan yang baik merujuk dua sistem yang berbeza ini. Amalan demokrasi sering dikaitkan dengan ekonomi kapitalisme. Sistem ekonomi ini menjanjikan kehidupan yang lebih baik dengan wujudnya kelas pertengahan. Namun, **perimbangan ekonomi** yang diharapkan melalui sistem kapitalis ini ternyata tidak berlaku.

Umpamanya wujud jurang perbezaan yang besar antara mereka yang kaya dan yang miskin bukan sahaja di negara maju seperti negara kuasa besar Amerika Syarikat tetapi juga negara membangun seperti Indonesia, Filipina dan India yang mengamalkan demokrasi sepenuhnya.<sup>8</sup>

Sekiranya tiada perimbangan ekonomi, adakah demokrasi dapat dilaksanakan? Sekiranya tidak, kenapa?

**Menganalisis, Menarik kesimpulan**

Golongan elit yang menguasai ekonomi juga akan menguasai politik dan proses membuat keputusan atau perundangan akan dikuasai oleh golongan elit politik ini.

Justeru, timbul persoalan apakah sistem politik yang sesuai?

**Meramal, menghujah**

Dalam bab yang sama, Bab 9, halaman 238 wujud perkaitan antara demokrasi berparlimen dan prinsip keamanan sejagat dan kedaulatan negara.

“Sebagai sebuah negara yang mengamalkan **sistem pemerintahan demokrasi berparlimen**, Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan **prinsip-prinsip keamanan sejagat**. Ini jelas terpapar dalam dasar luar Malaysia yang menekankan pemeliharaan **kedaulatan negara-negara** lain.

Justeru, kenyataan ini menghubungkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dengan dasar luar yang mengutamakan keamanan sejagat dan kepentingan memelihara kedaulatan negara.

Salah sebuah institusi demokrasi yang penting adalah pilihanraya. Sebelum itu, bagi menjayakan sesebuah pilihanraya sudah tentu perlu wujud parti politik.

Parti politik juga merupakan sebuah institusi politik yang penting. Tanpa parti politik, pilihanraya tidak dapat dijalankan. Tanpa pilihanraya, wakil tidak dapat dipilih bagi mewakili rakyat ke Parlimen.

Dalam memastikan demokrasi berjalan dengan baik sudah pasti perlu wujud parti pembangkang.

Di sini guru boleh menjelaskan betapa pentingnya kuasa dan hak rakyat dalam sebuah sistem demokrasi. Sekiranya murid memahami fungsi pilihanraya dan parti politik, maka tiada masalah bagi murid menghadapi sebarang persoalan mengenai pilihanraya di Malaysia sebagaimana dilihat dalam soalan peperiksaan 2014 sebagaimana tertera di bawah:

### **Soalan Peperiksaan 2014**

Bahagian B, Soalan Nombor 10

Gambar 1 menunjukkan suasana di sebuah pusat pembuangan undi dalam Pilihanraya Umum di Malaysia.

- a) Nyatakan proses pilihanraya yang dilaksanakan di negara kita. (4 markah)
- b) Pilihanraya di negara kita dilaksanakan secara adil. (4 markah)
- c) (i) Mengapakah pilihanraya penting kepada negara kita? (6 markah)  
(ii) Terdapat segelintir rakyat Malaysia, terutama generasi muda masih tidak mendaftar sebagai pengundi. (6 markah)

Pada pendapat anda, mengapakan keadaan tersebut berlaku? Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut. (6 markah)

Melalui perbincangan di atas, guru sedikit sebanyak mengetahui pendekatan yang boleh digunakan untuk memastikan murid dapat menjawab soalan-soalan seperti yang dikemukakan dalam kertas 3 di bawah:

Kertas soalan ini mengandungi satu Tugas Spesifik. Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.

### **Tugas Spesifik**

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, jentera pentadbiran kerajaan Malaysia telah diperkemas berasaskan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

Bincangkan tentang demokrasi di Malaysia dan kepentingannya.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Maksud demokrasi parlimen	5
Isi dan Huraian	2. Ciri-ciri demokrasi parlimen yang diamalkan di Malaysia	30
	3. Peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia	15
	4. Kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia	10
	5. Peranan warga Malaysia untuk menggunakan demokrasi sebaik mungkin	
	6. Terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia. a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku? b) Berikan cadangan anda untuk menghapuskan persepsi negatif tersebut.	10
	7. Huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini. a) Mengapakah huru-hara tersebut berlaku? b) Bagaimanakah huru-hara tersebut dapat diselesaikan?	10
	8. Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang diberi	5
Kesimpulan	9. Membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan: a) Pengetahuan yang diperoleh. b) Nilai/unsur patriotisme berdasarkan tajuk c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang	5

Tajuk demokrasi merupakan satu tajuk yang sebenarnya amat menarik kerana ia berkaitan dengan kehidupan seharian kita sebagai warganegara Malaysia. Justeru, segala perbincangan boleh dihubungkan dengan segala amalan yang dilakukan di peringkat tempatan, nasional dan global.

---

<sup>1</sup> Stanford Encyclopedia of Democracy, Alamat dalam talian: <https://plato.stanford.edu/entries/democracy/#DemDef> (dicapai 1 Ogos, 2017)

<sup>2</sup> Learn About Direct Democracy and Its Pros and Cons. When Everybody Votes on Everything, is it All Good? <https://www.thoughtco.com/what-is-direct-democracy-3322038> (dicapai 31 Julai 2017)

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Bacaan lanjut merujuk sistem beraja dan kedudukan Raja dalam perlembagaan, sila lihat. Abdul Aziz Bari, *Majlis Raja-raja: Kedudukan dan Peranan Dalam Perlembagaan Malaysia*, 2002, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Muhammad Kamil Awang, *The Sultan and The Constitution*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

<sup>5</sup> Bagi bacaan lanjut mengenai perlembagaan sila rujuk, Tun Suffian, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa Pustaka: Kuala Lumpur, 1974; Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2001

<sup>6</sup> <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19481016-1.2.100.3?ST=1&AT=filter&K=%22tan+cheng+lock%22&KA=%22tan+cheng+lock%22&DF=&DT=&Display=0&AO=false&NPT=&L=&CTA=&NID=&CT=LETTER&WC=&YR=&QT=%22tanchenglock%22&oref=article> (dicapai 2 Ogos, 2017)

<sup>7</sup> Democracy. [https://www.youtube.com/results?search\\_query=democracy+shared+respect](https://www.youtube.com/results?search_query=democracy+shared+respect)

<sup>8</sup> The democracy deficit: is the US model still viable? <https://www.ft.com/content/b96099a2-72ee-11e7-aca6-c6bd07df1a3c> (dicapai 26 Julai 2017)